

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 5

## Gabung data antara agensi untuk mudahkan urusan

### Gabung data antara agensi untuk mudahkan rujukan

**KUALA LUMPUR** - Usaha bagi menggabungkan data yang disimpan semua kementerian, agensi kerajaan Persekutuan dan negeri, badan berkanun serta syarikat milik kerajaan perlu dilaksanakan bagi menjana statistik yang boleh dimanfaatkan bagi memudahkan rujukan dibuat.

Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib berkata, masalah utama timbul apabila data-data ini berlainan sistem terutamanya dari segi metodologi, standard, konsep dan definisi.

Menurutnya, usaha perlu diambil untuk menggabungkan data-data ini bagi menjana statistik yang dapat dimanfaatkan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada pengumpulan data secara banci atau survei yang memerlukan kos yang tinggi.

"Statistik adalah sangat relevan dalam membantu keraja-



FOTO: MOHD RAFIQ REDZUAN HAMZAH

Hanifah Hajar (kanan) melawat reruai pameran diringi Mohd Uzir (dua dari kanan) di Kuala Lumpur pada Selasa.

an membuat keputusan berdasarkan data angka dan sains.

"Dalam mengumpul dan menganalisis data yang banyak, Jabatan Perangkaan

Malaysia (DOSM) berhadapan dengan pelbagai cabaran yang perlu ditangani bagi memastikan data yang disediakan adalah terperinci dan memenuhi kehendak pemegang taruh,"

katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian bersempena Persidangan Statistik Malaysia ke-10, 2023 bertemakan 'Merentasi Sempadan KDNK: Menuju Kesejahteraan Sosial dan Kelestarian Alam Sekitar' di sini pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Perangkawan Malaysia (DOSM), Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin dan Pengarah HRH Sultan Nazrin Shah Economic History of Malaya Project, Datuk Dr Richard Lette.

Menurut Hanifah Hajar, keselamatan data adalah perkara yang sangat penting untuk ditangani.

"Cabarannya dalam keselamatan data sangat berbeza dan ia juga terus berkembang seiring dengan perkembangan teknologi dan cara baru untuk mengakses dan memanipulasi data.

"DOSM perlu mengadaptasi strategi keselamatan data yang komprehensif," ujarnya.

Sementara itu, Mohd Uzir berkata, Persidangan MyStats 2023 bertujuan menyediakan platform untuk ahli statistik, penyelidik, ahli ekonomi, pembuat dasar, ahli akademik dan media untuk mengetengahkan dan mengembangkan idea-idea baharu serta pemahaman bersama dalam bidang statistik.

"Ia juga bakal mewujudkan jalinan kerjasama dan rangkaian yang lebih baik dan ini dapat meningkatkan lagi keberkesanannya dalam analisis dan penggubalan dasar kerajaan yang dibuat berdasarkan fakta.

"Platform itu juga mampu menjadi medium diskusi dan perkongsian maklumat bagi hala tuju dasar kerajaan dalam pembangunan ekonomi berdasarkan statistik rasmi yang disebarluaskan," kata beliau.